



JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

PELAN STRATEGIK 2018 - 2022



PELAN STRATEGIK

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
2018 - 2022



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



JABATAN MUZIUM MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
2018 - 2022

Cetakan Pertama 2019

Terbitan: Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara 50566 Kuala Lumpur

@Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara jua secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada ketua pengarah, Jabatan Muzium Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Malaysia. Jabatan Muzium.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PELAN STRATEGIK 2018-2020 / Ketua Editor: Mohamad Shawali bin Hj. Badi.
ISBN 978-967-0372-35-8

1. Muzium Negara Malaysia--Planning--2018-2020.
 2. Strategic planning--Malaysia.
 3. National museums--Malaysia.
 4. Museums--Malaysia.
 5. Government publications--Malaysia.
- I. Mohamad Shawali bin Hj. Badi.
II. Judul.
069.09595

Penasihat:

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

Ketua Editor:

Mohamad Shawali bin Hj. Badi

Peyelenggara Buku:

Unit Dasar dan Perancangan Strategik

Penyelaras:

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Reka Bentuk dan Reka Letak:

Mokhtar bin Tamby Ahmad

Dicetak oleh:

D'Fa Print Sdn. Bhd.

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah JMM	1
Bab 1: Pendahuluan	4
Ringkasan Eksekutif	5
JMM Sepintas Lalu	7
Punca Kuasa Jabatan Muzium Malaysia	8
Carta Organisasi Jabatan Muzium Malaysia	9
Bab 2: Senario Persekitaran	12
Pemegang Taruh (<i>Stakeholder</i>)	13
Pelanggan dan Rakan Strategik	
Analisa Persekitaran	14
Bab 3: Hala Tuju Strategik	18
Visi	19
Misi	
Objektif	20
Fungsi	
Bab 4: Strategik dan Formulasi Tindakan	22
Teras Strategik JMM	23
Teras Strategik 1	24
Teras Strategik 2	28
Teras Strategik 3	32
Teras Strategik 4	37
Teras Strategik 5	42
Teras Strategik 6	45
Bab 5: Implementasi Ke Arah Kejayaan	54
Mekanisme Pelaksanaan	55
Elemen Penentu Kejayaan	56
Bab 6: Melangkah Ke Hadapan	60
Mendepani Cabaran Globalisasi	61
Ke Arah Menjana Transformasi Permuziuman Negara	
Glosari	62
Jawatankuasa Penyediaan Pelan Strategik	63
Sekalung Penghargaan	64

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.


Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2018–2022 dapat disediakan dengan jayanya. Penyediaan Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2018–2022 merupakan satu anjakan ke arah mempertingkatkan peranan Jabatan sebagai sebuah agensi utama dalam bidang permuziuman yang menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan negara. Penyediaan pelan ini juga adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 serta mengekalkan jati diri bangsa yang berteraskan seni, budaya, alam semulajadi dan khazanah negara.

Pelan Strategik ini menetapkan hala tuju Jabatan bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Sehubungan itu, Pelan Strategik yang telah digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam bidang permuziuman. Penyediaan pelan ini mengambil kira perubahan persekitaran dan implikasinya kepada Jabatan untuk terus unggul sebagai peneraju dalam bidang permuziuman. Dengan demikian, saya yakin Pelan Strategik ini dapat memberi panduan yang lebih jelas dan terperinci kepada warga Jabatan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pengguna. Akhir kata, syabas dan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa bagi menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2018–2022.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia**





**Tepak Sireh Sultan Abdul Samad
(1859 - 1880) Selangor**
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN

BAB 1

PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia (PSJMM) 2018 – 2022 merupakan dokumen hala tuju strategik yang digubal untuk menjadikan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai agensi peneraju, penanda aras dan rujukan kepada institusi permuziuman yang lain di negara ini dalam pengurusan muzium yang diiktiraf di peringkat global. Selari dengan visi, misi dan objektif muzium untuk menjadi institusi permuziuman yang profesional dan bertaraf global, JMM akan memantapkan peranan dan tanggungjawabnya untuk mentransformasi perkhidmatan muzium agar terus relevan dengan pembangunan dan kemakmuran negara khususnya dalam aspek pemeliharaan serta pemuliharaan khazanah sejarah, budaya dan warisan negara.

PSJMM akan menjadi rujukan dan panduan kepada warga JMM dalam perancangan program/aktiviti serta proses kerja dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mempunyai nilai yang diharapkan oleh pemegang taruh dan pelanggan. Pelan ini akan memastikan apa-apa perancangan yang dilaksanakan benar-benar berimpak tinggi dan mempunyai *outcome* yang berkesan kepada jabatan, kementerian dan negara. Justeru, pelan ini turut menggariskan bentuk-bentuk cabaran serta elemen-elemen yang menentukan kejayaan pelaksanaan.

Objektif PSJMM secara umumnya adalah untuk;

- a) Memusatkan segala komitmen dan fokus seluruh warga JMM dalam menetapkan hala tuju JMM bagi menjayakan visi dan misi organisasi;
- b) Menyediakan kerangka strategi dan pelan tindakan yang pragmatik untuk membolehkan JMM memainkan peranannya secara lebih berkesan dalam pengurusan khazanah warisan negara;
- c) Memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pemegang taruh dan pelanggan melalui pengamalan tadbir urus yang baik, pembangunan kapasiti organisasi, pengembangan sumber yang efisien serta penyuburan inovasi melalui pembudayaan ICT; dan
- d) Memastikan kesediaan JMM dalam mendepani isu dan cabaran di peringkat domestik dan global.

Penetapan strategi dan pelan tindakan yang jelas akan membantu organisasi menentukan pengukuran yang tepat dalam memantau pencapaian strategi berkenaan di mana setiap strategi mempunyai sasaran tertentu yang perlu dicapai bagi sesuatu tempoh yang telah ditetapkan. Kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu strategi ditentukan berdasarkan kepada sejauh mana tahap yang ditetapkan dalam sasaran berkenaan dapat dicapai. Untuk itu, PSJMM menetapkan enam (6) Teras Strategik yang disokong oleh 23 Strategi bagi memberi gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan strategik JMM untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Kesemua strategi berkenaan diterjemahkan melalui 38 Pelan Tindakan yang merangkumi 72 program/aktiviti. Program yang mampu untuk mengukuhkan keupayaan serta kompetensi perkhidmatan JMM. PSJMM ini turut dirancang agar seiring dengan Pelan Strategik Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 2016-2020.

Dalam tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian dan kajian semula akan dibuat bagi menentukan strategi, program dan tahap pencapaian sasaran benar-benar berkesan. Untuk memastikan keberkesanan dan keberhasilan PSJMM, mekanisme pelaksanaan melalui kaedah pemantauan dan penilaian yang diadakan setiap bulan, diikuti pelaporan pada setiap tahun. Pelaporan akan dibentang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan PSJMM. Kajian semula pula akan dilaksanakan setiap dua (2) tahun untuk menilai semula setiap program yang dilaksanakan.


JMM SEPINTAS LALU


Sejarah Penubuhan Muzium

BIL.	TARIKH	PERISTIWA
1.	1883	Aktiviti muzium bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping.
2.	1888	Penubuhan Muzium Sarawak di Kuching oleh Sir Charles Brooke II.
3.	1907	Penubuhan Muzium Selangor.
4.	1910	Pengurusan Muzium Selangor & Muzium Perak disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
5.	10 Mac 1945	Kemusnahan sebahagian bangunan Muzium Selangor akibat daripada terkena bom Tentera Udara Berikat.
6.	16 September 1958	Pelantikan arkitek untuk mereka bentuk bangunan khas di atas tapak bekas bangunan Muzium Selangor.
7.	2 Januari 1962	Syarikat Yew Lee dilantik untuk mula membina bangunan Muzium Negara atas tapak bekas Muzium Selangor.
8.	31 Ogos 1963	Perasmian pembukaan Muzium oleh DYMM YDP Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.
9.	1978	Jabatan Muzium dipindahkan seketika dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.
10.	1987	Jabatan Muzium dipindahkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang kemudiannya ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan pada 1992 nama kementerian ini ditukar sekali lagi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
11.	11 Mac 1993	Penubuhan Jabatan Muzium dan Antikuiti secara rasmi.
12.	1 Mac 2006	Jabatan Muzium dan Antikuiti telah ditukarkan kepada Jabatan Muzium Malaysia

PUNCA KUASA JABATAN MUZIUM MALAYSIA

1. Akta Kuasa Menteri
2. Arahan Perbendaharaan
3. Akta Hasutan 1948 (Akta 15)
4. Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120)
5. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
6. Akta Kontrak 1950 (Akta 136)
7. Akta Fitnah 1957 (Akta 286)
8. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
9. Akta Perpustakaan Negara 1972 [Akta 80]
10. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
11. Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 716)
12. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)
13. Akta Pencetakan Teks al-Quran (APTQ) 1986
14. Akta Perkhidmatan Bomba 1988
15. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)
16. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 589)
17. Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]
18. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)
19. Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)
20. *Audience Building: Marketing Art Museums*
21. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
22. Dasar Industri Kreatif Negara
23. *International Council of Museum (Code of Ethics for Museums) 2006*
24. Kanun Keseksaan (Akta 574)
25. Memo Dalaman Ketua Pengarah
26. *Museums, Marketing and Tourism Development:
The Case of the Tobacco Museum of Kavala.*
27. Pekeliling Perbendaharaan
28. Peraturan 20, Peraturan – Peraturan Pegawai Awam
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993
29. Pekeliling Am Bil.3 Tahun 1999 (Peraturan-peraturan bagi Menjalankan
Penyelidikan di Malaysia)
30. Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012
31. *The Manchester Museum Strategic Plan 2012 – 2015*







Pending Melayu
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN



BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN

PEMEGANG TARUH, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

1. Pemegang Taruh

- Jemaah Menteri
- Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya
- Ketua Setiausaha Negara
- Kementerian Kewangan
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Suruhajaya Perkhidmatan Awam

2. Pelanggan

- Orang Awam
- Penyelidik
- Agensi Awam dan Swasta
- Pelajar Sekolah, IPTA & IPTS
- Pertubuhan Dalam dan Luar Negara

3. Rakan Strategik JMM

- Jabatan dan Agensi Kerajaan
- Institut Pengajian Tinggi
- Media Massa (Cetak dan Elektronik)
- Pihak Swasta/GLC

ANALISA PERSEKITARAN

Dalam merangka PSJMM, JMM telah membuat analisis persekitaran untuk mengenal pasti pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik, di samping menganalisis cabaran-cabaran yang perlu didepani untuk memastikan kelancaran pelaksanaan PSJMM.

Berdasarkan pelbagai perubahan persekitaran yang kompleks dan tidak menentu di peringkat dalam dan luar negara, PSJMM perlu mengenal pasti dan menganalisis cabaran-cabaran dan implikasinya kepada perkhidmatan yang diberikan. Berikut adalah isu-isu dan cabaran semasa yang dikenal pasti semasa membuat analisis persekitaran:

Cabaran 1: Pengurusan Koleksi Artifak Negara Yang Bersepadu

- i. Memastikan dasar dan prosedur pengurusan koleksi ditambahbaik serta dipatuhi oleh warga Jabatan;
- ii. Bekolaborasi dengan pakar-pakar rujuk luar untuk meningkatkan penyelidikan koleksi yang komprehensif dan berkualiti;
- iii. Menyediakan pusat repositori dan konservasi yang serba lengkap dan moden;
- iv. Menyemak dan mengemas kini dasar dan prosedur sistem pengurusan koleksi mengikut kaedah, prinsip dan peraturan berdasarkan piawaian antarabangsa;
- v. Memperkuuh struktur bahagian bagi memaksimakan potensi modal insan dalam pengurusan dan pemeliharaan koleksi artifak; dan
- vi. Menambah baik kemudahan infrastruktur penstoran untuk memastikan kelestarian/jangka hayat koleksi artifak.

Cabaran 2: Hambatan Globalisasi dan Liberalisasi

- i. Kewujudan dunia tanpa sempadan yang memerlukan pendekatan kreatif dan inovatif untuk menghubungkan pelanggan dengan muzium; dan
- ii. Perubahan dalam persekitaran pengurusan muzium-muzium di dunia termasuk ratifikasi terhadap sebarang intervensi antarabangsa;
- iii. Perbelanjaan di Muzium selari dengan amalan permuziuman seluruh dunia.

Cabaran 3: Perkembangan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

- i. Memenuhi keperluan generasi X dan Y yang memilih penggunaan hujung jari untuk mencari maklumat. Capaian data dan maklumat dikemaskini agar lebih pantas dan menyeluruh;
- ii. Perkakasan dan perisian yang usang (*obsolete*) akan memberikan ancaman pada kehilangan maklumat;
- iii. Penyebaran maklumat dituntut supaya lebih pantas, meluas, bersifat *mobile*, melalui *online*, *real time*, *any time* dan *any place* iaitu maklumat melalui satu sentuhan; dan
- iv. Transformasi ke arah kandungan digital dan data besar (*big data*) dalam aktiviti permuziuman.

Cabaran 4: Ekspektasi Pemegang Taruh dan Pelanggan Yang Tinggi dan Berubah – Ubah

- i. Menghadapi persaingan daripada taman tema dan pusat hiburan serta lain prospek pelancongan;
- ii. Kaedah penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif;
- iii. Perbandingan dengan sektor sosial lain menyebabkan potensi dan kepentingan tidak dilihat oleh agensi-agensi pusat; dan
- iv. Polisi kerajaan yang seringkali berubah mengikut dimensi kepimpinan dan pusat pentadbiran kerajaan.

Cabaran 5: Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Kepimpinan

- i. Memberikan latihan dan peluang *internship* kepada warga Jabatan sama ada di dalam atau luar negara dalam bidang permuziuman agar dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam satu-satu bidang pengkhususan.
- ii. Budaya kerja berprestasi tinggi dan memerlukan sumber tenaga yang seimbang dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap
- iii. Meningkatkan pemahaman, komitmen, kerjasama pegawai dan kakitangan serta pengurusan tertinggi
- iv. Membangunkan sumber manusia yang produktif dan kompeten melalui program-program pembangunan dan latihan yang dirancang dan dilaksanakan berdasarkan keperluan yang sistematik dan komprehensif;
- v. Menyuburkan budaya kerja supaya Jabatan dapat melahirkan pekerja yang serba boleh (*multi-skilling*), berprestasi tinggi dan berkompetensi bagi menjamin kesinambungan kepimpinan yang berterusan;
- vi. Melaksanakan kemajuan kerjaya laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) bagi mengiktiraf pegawai yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasinya ke arah memastikan pengekalan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi dalam perkhidmatan awam; dan
- vii. Menambah baik kapasiti organisasi, komposisi kumpulan perkhidmatan dan bentuk struktur organisasi yang sesuai serta relevan.



**Duit Emas Zaman Pemerintahan
Sultan Zainal Abidin II
(1793 - 1808) Terengganu**
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN



BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

VISI

Menjadi Institusi Permuziuman yang
profesional dan bertaraf global

MISI


1. Meningkatkan profesionalisme dalam bidang permuziuman.
2. Memantapkan penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan.
3. Meluaskan jaringan kerjasama pintar dengan institusi permuziuman global.

OBJEKTIF JMM

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.
2. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

FUNGSI

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara sejarah, kebudayaan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia dan memberi khidmat kepakaran serta nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberi khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan serta lawatan berpandu ke balai-balai pameran



Archa Buddha Duduk
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN



BAB 4

STRATEGI DAN

FORMULASI TINDAKAN

TERAS STRATEGIK JMM 2018-2022



TERAS STRATEGIK 1 : MEMARTABAT DAN MELESTARI KOLEKSI ARTIFAK NEGARA

Salah satu fungsi utama JMM adalah untuk mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan manuskrip yang berkaitan. Koleksi ini dijadikan sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, penyelidikan dan pameran kepada masyarakat umum.

Sebagai institusi yang menerajui bidang pengurusan dan konservasi koleksi artifak di negara ini, JMM bertanggungjawab dalam perancangan, pemantauan dan penyelarasan bagi melaksanakan kerja-kerja pengumpulan, pendaftaran, pendokumentasian, inventori koleksi serta pemeliharaan dan penstoran koleksi artifak JMM.

Pelbagai isu dan cabaran dihadapi dalam mengurus dan memulihara koleksi artifak bagi tatapan generasi akan datang. Isu-isu yang berkaitan haruslah ditangani dan diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Teras pertama ini menjurus kepada penambahbaikan kepada dasar, peraturan dan prosedur pengurusan koleksi untuk keperluan tadbir urus koleksi di semua muzium JMM bagi memastikan pengurusan koleksi yang cekap, sistematik, efisien dan kos efektif. Lima strategi telah dirangka untuk tujuan ini.

Strategi 1 Pemantapan pengurusan koleksi selaras dengan piawaian antarabangsa

Strategi 2 Pembangunan koleksi

Strategi 3 Pendokumentasian dan pengaksesan maklumat koleksi

Strategi 4 Penjagaan dan penstoran koleksi

Strategi 5 Pembentukan kepakaran dalam penilaian koleksi

TERAS STRATEGIK 1

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Pemantapan pengurusan koleksi selaras dengan piawaian antarabangsa	a. Pemantapan carta organisasi bahagian pengurusan koleksi - 4 Unit iaitu Unit Perolehan Koleksi, Unit Inventori, Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik serta Unit Repositori distrukturkan semula menjadi 3 unit tanpa melibatkan sebarang penambahan perjawatan, iaitu Unit Pembangunan Koleksi, Unit Pendokumentasian dan Akses Koleksi dan Unit Pengurusan Repositori.	Carta organisasi bahagian pengurusan koleksi	3 unit	Januari 2018	Bahagian Pengurusan Koleksi
	b. Penambahbaikan Dasar Pengurusan Koleksi dan Konservasi dan prosedur yang berkaitan.	Bilangan dasar dan prosedur	2 Dasar: Pengurusan Koleksi dan Konservasi 6 Prosedur: perolehan, pinjaman, pelupusan, pengaksesan, repositori, konservasi	Mula digunakan pada Jun 2018	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Pengurusan Konservasi

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Pembangunan Koleksi	a. Perolehan artifak yang autentik bagi melengkapkan set-set koleksi :	Bilangan koleksi yang dibeli	500 koleksi	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi
	• Alat Muzik • Koleksi Sejarah & Alam Semula jadi • Koleksi Perak dan Tembaga • Koleksi Kebudayaan • Alat dan Perusahaan				
	b. Pengklasifikasian semula dan sistem nombor koleksi artifak	Bilangan klasifikasi	22 klasifikasi	Mula dilaksanakan pada Mac 2018	Bahagian Pengurusan Koleksi

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 3					
Pendokumentasian dan pengaksesan maklumat koleksi	a. Penyelidikan koleksi	Bilangan penyelidikan	5 kategori koleksi	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi
	b. Penyelidikan konservasi	Bilangan penyelidikan	5 penyelidikan	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Konservasi
	c. Pendigitalan koleksi (MUSECORE)	Bilangan koleksi didigitalkan dalam sistem	50,000 koleksi	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi
	d. Pengkatalogan koleksi	Bilangan katalog	5 katalog	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 4					
Penjagaan dan penstoran koleksi	a. Penyediaan pusat repositori dan konservasi JMM dengan kelengkapan dan persekitaran mengikut piawaian antarabangsa	Bilangan pusat repositori dan konservasi	Satu pusat repositori dan konservasi	2018-2022 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Pengurusan Konservasi
	b. Membuat naziran bagi tujuan penilaian kondisi artifak	Bilangan naziran	9 repositori dan 10 muzium	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Konservasi
	c. Menginsurangkan koleksi JMM	Bilangan koleksi JMM	10% daripada jumlah keseluruhan koleksi JMM	2018-2022 (5 Tahun) *diperbaharui setiap tahun	Bahagian Pengurusan Koleksi
	d. Menaik taraf repositori	Bilangan repositori	4 repositori	2018-2022 (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Pengurusan Konservasi • Bahagian Dasar dan Pembangunan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 5					
Pembentukan panel kepakaran dalam penilaian koleksi	a. Pelantikan pakar untuk penetapan nilai koleksi	Bilangan pakar	5 orang pakar	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi
	b. Pendaftaran aset warisan	Bilangan aset warisan	500 koleksi	2018-2022 (5 Tahun)	Bahagian Pengurusan Koleksi

TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN BIDANG PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN PENDOKUMENTASIAN

Pemerkasaan penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian adalah salah satu bidang teras yang memainkan peranan penting ke arah peningkatan kualiti dan pengukuhan etika penyelidikan, penerbitan dan dokumentasi Jabatan. Penyelidikan merupakan salah satu aktiviti utama jabatan, merangkumi pelbagai aspek seperti sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi negara. Hasil-hasil kajian berkaitan permuziuman dibangunkan bagi melengkapkan penerangan tentang artifak sedia ada di muzium sebagai nilai tambah agar muzium masih relevan untuk dikunjungi. Selari dengan matlamat menanamkan kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap budaya, penyelidikan perlu dilakukan bagi mengajar serta mendidik masyarakat tentang kepentingan memelihara khazanah negara. Penerbitan dan dokumentasi bahan berkaitan bidang permuziuman yang terdapat dalam variasi seperti buku, jurnal, majalah, buletin, katalog, katalog pameran, cakera liut, filem dokumentari dan sebagainya merupakan salah satu usaha ke arah pembudayaan pelbagai ilmu dalam masyarakat.

Beberapa strategi telah dikenalpasti bagi memastikan pemerkasaan penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian ini berjaya dilaksanakan.

Strategi 1 Penghasilan penyelidikan yang berkualiti dan berinovasi

Strategi 2 Penghasilan penerbitan yang berkualiti, kreatif dan berinformasi

Strategi 3 Pendokumentasian dan pengaksesan maklumat koleksi

Strategi 4 Peningkatan dan kepelbagaian penyampaian perkhidmatan pendokumentasian yang inovatif

Outcome Keseluruhan

Impak pelaksanaan strategi ini antaranya ialah:

1. Peningkatan rangkaian kerjasama dalam pelbagai bidang penyelidikan permuziuman bersama dengan pihak-pihak berkaitan
2. Pembangunan dan pematuhan sepenuhnya Garis Panduan Penyelidikan dan Penerbitan dapat dilaksanakan
3. Kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan pendokumentasian secara digital dapat ditingkatkan.

TERAS STRATEGIK 2

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Penghasilan penyelidikan yang berkualiti dan kompetitif	<p>a. Penyelidikan dalam negara:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Koleksi/Artifak/ Objek ii. Pameran khas iii. Penambahbaikan pengisian galeri iv. Sejarah, budaya dan alam semula jadi negara <p>b. Penyelidikan luar negara</p> <p>c. Penyelidikan secara kolaborasi (dalam negara)</p>	Bilangan penyelidikan	10 (penyelidikan objek) 25 (penyelidikan lapangan) 22 (penyelidikan perpustakaan, objek dan lapangan) 22 penyelidikan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara 5 tajuk penyelidikan 10 penyelidikan kolaborasi	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Muzium-muzium di bawah JMM • Agensi-agensi luar terlibat (dalam dan luar negara)

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Penghasilan penerbitan yang bernilai, akademik kreatif dan mudah pasaran	a. Penerbitan: i. Koleksi ii. Pameran khas iii. Pameran tetap iv. Sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi negara b. Penerbitan secara kolaborasi (dalam negara) c. Penerbitan kerjasama strategik (luar negara)	Bilangan penerbitan/ penjildidan	5 25 3 5 10 3 (2018, 2020 & 2022)	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Muzium-muzium di bawah JMM • Agensi-agensi luar terlibat (dalam dan luar negara)

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 3					
Peningkatan dan kepelbagaian penyampaian perkhidmatan pendokumentasian yang inovatif	a. Pendokumentasian: <ul style="list-style-type: none"> i. Pameran ii. Kertas-kertas kerja program permuziuman iii. Foto iv. Keratan akhbar v. Sistem Perpustakaan (VTLS) – termasuk peminjaman dan pemulangan vii. Laporan kerja-kerja lapangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pendokumentasian pameran: (dokumen /manuskrip dokumentari digital • Bilangan pendokumentasian 	10 pendokumentasian pameran: 10 dokumen /manuskrip dan 5 dokumentari digital 500 kertas kerja 15,000 keping gambar 1,500 artikel 1,000 tajuk 10 laporan	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Muzium-muzium di bawah JMM • Agensi-agensi luar terlibat (dalam dan luar negara)

TERAS STRATEGIK 3 :

PENYEBARAN DAN PENYEMARAKAN ILMU PENGETAHUAN WARISAN SEJARAH, BUDAYA DAN ALAM SEMULA JADI

Penyebaran dan penyemarakan ilmu pengetahuan warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi memainkan peranan penting ke arah mengukuhkan institusi muzium. Program-program yang berkaitan dengan strategi ini iaitu pameran dan pendidikan muzium dilihat mampu melonjakkan dan meletakkan muzium setaraf dengan muzium-muzium ternama di dunia.

Usaha-usaha penyemarakan program dan aktiviti pameran dan pendidikan muzium dipergiatkan melalui penubuhan muzium-muzium baharu, menaik taraf galeri sedia ada, penganjuran pameran-pameran sementara dan pendidikan muzium yang berimpak tinggi dan bertaraf antarabangsa. Dalam usaha ini Jabatan Muzium Malaysia akan membangunkan muzium-muzium baharu, antaranya Kompleks Muzium Negara, Muzium Alam Semula Jadi dan Muzium Muzik. Di samping itu, galeri tetap Muzium Negara, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Diraja, Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Matang dan Muzium Kota Kayang akan dinaik taraf mengikut perubahan semasa berdasarkan piawaian antarabangsa.

Selari dengan strategi ini, pameran-pameran sementara dengan tema khusus yang dapat menarik perhatian masyarakat akan dijayakan. Pameran berskala besar bertaraf '*blockbuster*' dan pameran yang melibatkan kerjasama strategik dengan pihak luar negara akan dilaksanakan. Selain itu, JMM akan mempelbagaikan tema pameran yang diadakan secara berjadual di semua muzium di bawah pengurusan Jabatan Muzium Malaysia.

Pengisian dan pembangunan kandungan pameran akan menekankan keunikan koleksi dan juga bahan-bahan muzium yang lain. Dalam konteks pendidikan muzium pula, ia diperkuuhkan melalui beberapa inisiatif program jangkauan dalam dan jangkauan luar melalui penganjuran seminar bertaraf antarabangsa, program Bicara@Muzium, program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) serta program perdana Bermalam Di Muzium. Manakala bagi program jangkauan luar, aktiviti berbentuk acara dan persidangan antarabangsa akan turut dilaksanakan.

Dalam memastikan kejayaan pelaksanaan teras strategi ini, beberapa strategi telah dirangka untuk membentuk Pelan Tindakan;

Strategi 1 Membangunkan muzium baharu bertaraf nasional

Strategi 2 Menaiktaraf galeri tetap sedia ada

Strategi 3 Melaksanakan pameran sementara yang kreatif, berimpak besar dan bertaraf global

Strategi 4 Mengukuhkan program pendidikan muzium

Outcome Keseluruhan

Peningkatan kualiti penyebaran, penyemarakan dan pendidikan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi berjaya diterapkan dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur dan latar belakang ke arah pembinaan bangsa Malaysia yang bertoleransi dan mempunyai jati diri yang tinggi.

TERAS STRATEGIK 3

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Membangun-kan 6 (enam) muzium baharu bertaraf nasional	<ul style="list-style-type: none"> Kompleks Muzium Negara Muzium Alam Semula Jadi Muzium Muzik Muzium Kanak-Kanak Muzium Pengangkutan Muzium Perang / Perwira / Muzium Al-Quran / Muzium Sukan 	Bilangan muzium baharu	6 muzium baharu	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negara Muzium Alam Semula Jadi Muzium Muzik Bahagian Dasar dan Pembangunan Bahagian Pameran dan Pengembangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Menaiktaraf galeri tetap sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> Galeri Muzium Negara Galeri Muzium Arkeologi Lembah Bujang Galeri Muzium Diraja Galeri Kota Kuala Kedah Galeri Muzium Matang Galeri Muzium Kota Kayang 	Bilangan galeri tetap yang dinaiktaraf	6 galeri tetap	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> Muzium Negara Muzium Arkeologi Lembah Bujang Muzium Diraja Muzium Kota Kuala Kedah Muzium Matang Muzium Kota Kayang Bahagian Pameran dan Pengembangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 3					
Melaksanakan pameran sementara yang kreatif berimpak besar dan bertaraf global	a. 2 kategori Pameran Sementara: i. Pameran Khas Utama (Pameran Blockbuster) ii. Pameran Khas	Bilangan pameran khas utama Bilangan pameran khas	5 pameran khas utama 40 pameran khas (8 pameran khas setahun)	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Muzium-muzium berkaitan
	b) Pameran luar negara	Bilangan pameran luar negara	5 pameran luar negara	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik • Muzium / Bahagian berkaitan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 4					
Mengukuhkan program pendidikan muzium	Pendidikan Muzium - Melalui aktiviti: i. Jangkau dalam ii. Jangkau luar	Bilangan aktiviti jangkau dalam Bilangan aktiviti jangkau luar seperti acara dan konvensyen antara-bangsa	<ul style="list-style-type: none"> • 2 Seminar Antarabangsa • 5 Bicara@ Muzium Peringkat Nasional • Satu Pelajar Satu Muzium • 5 Program Bermalam Perdana Di Muzium • 10 acara 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi • Muzium/ Bahagian berkaitan • Muzium Negara • Muzium Alam Semula Jadi • Bahagian Pameran dan Pengembangan • Bahagian Pengurusan Konservasi • Bahagian Pengurusan Koleksi • Bahagian Komunikasi Korporat

TERAS STRATEGIK 4 : PEMANTAPAN PEMASARAN DAN PENGUKUHAN MUZIUM

Institusi permuziuman memegang peranan yang cukup besar dan signifikan dalam melestarikan khazanah warisan sejarah dan budaya negara yang menjadi bukti ketinggian peradaban bangsa. Muzium dengan fungsinya sebagai '*custodian of cultural heritage*' ini sekaligus meletakkan muzium sebagai salah satu agensi yang turut menyumbang kepada sektor pelancongan negara. Muzium dijadikan destinasi dalam agenda lawatan pelancong, khususnya pelancong luar negara. Sepanjang tahun 2015 hingga 2017, hampir 9 juta pelancong dalam dan luar negara telah melawat ke 20 buah muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia di seluruh negara. Justeru, muzium perlu terus diperkasakan dari semasa ke semasa bukan sahaja untuk menyokong industri pelancongan, tetapi juga untuk memperkaya masyarakat dengan pengetahuan lampau yang dilaksanakan menerusi tiga perkhidmatan teras jabatan. Dengan mengambil kira hasrat tersebut, gerak kerja pemasaran dan pengukuhan muzium perlu dimantapkan dengan pelbagai strategi yang berpotensi ke arah memartabatkan serta meningkatkan daya saing muzium. Untuk tujuan tersebut, tiga strategi utama pemasaran dan pengukuhan muzium telah digariskan sebagaimana berikut.

Teras ke-4 memfokuskan kepada strategi untuk memantapkan pemasaran muzium serta mengukuhkan institusi permuziuman ke arah mencapai misi dan visi jabatan. Sebanyak tiga (3) strategi telah digariskan di bawah teras ini dalam usaha memartabatkan industri permuziuman negara menerusi pelan ke arah memperluas dan meningkatkan kecekapan dalam promosi, kerjasama serta pengiktirafan.

Strategi 1 Promosi dan Pemasaran Taktikal

Strategi 2 Peningkatan Rangkaian Kerjasama Strategik

Strategi 3 Pengiktirafan Peringkat Nasional/Antarabangsa

Outcome Keseluruhan

Meningkatkan apresiasi masyarakat terhadap kepentingan budaya material dalam pembentukan jati diri bangsa.

TERAS STRATEGIK 4

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Promosi dan Pemasaran Taktikal	Pengiklanan Domestik dan Antarabangsa <i>(billboard/akhtar/katalog pelancongan/majalah/tv/radio/media sosial)</i>	Jumlah pengiklanan i. Billboard/papan iklan elektronik/bus wrap/tram wrap/taxi wrap/flight wrap ii. Akhbar/Katalog Pelancongan/Majalah iii. TV/Radio iv. Media Sosial – <i>Instafamous Celebrity</i> v. Rangkaian Hotel/Tempat Peranginan Terkenal – St. Regis/Hard Rock Café Hotel	<ul style="list-style-type: none"> • 25 (jalan-jalan utama/pintu masuk utama/tempat tumpuan awam) • 30 (merangkumi akhbar-akhbar utama & Edisi Wilayah) • 15 (RTM/Media Prima/Astro/History Channel/CNN/National Geographic/BBC) • 15 (program-program utama jabatan) • 50 lokasi (yang menjadi tumpuan utama pelancong) 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Unit Kewangan • Muzium Wilayah • Tourism Malaysia
	Promosi i. Media sosial (<i>facebook, Instagram, youtube channel</i>) ii. Laman sesawang iii. Media massa (media elektronik dan media cetak utama – kumpulan Utusan, Media Prima, Karangkraf, RTM, Star Group)	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan <i>shares, likes dan views</i> • Bilangan capaian • Bilangan viewership • Kekerapan siaran • Bilangan atau statistik media elektronik dan cetak 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan 5% setahun • 200,000 jumlah penonton (fanpage Facebook, Instagram) • Peningkatan 5% setahun • Peningkatan 5% setahun • Peningkatan 5% setahun 200 Laporan 		

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
	Kempen Tematik <ul style="list-style-type: none"> • Muzium Kita Tamadun Kita • Muzium Inspirasiku 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kempen • Peratus Kehadiran Pelawat 	<ul style="list-style-type: none"> • 15 kempen merangkumi zon Tengah, Utara, Selatan, Timur, Labuan • 1% kenaikan pelawat setahun 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Muzium Wilayah • Tourism Malaysia
	Penjenamaan <ul style="list-style-type: none"> • Penjenamaan Organisasi • <i>Signature Program</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan Pengukuhan Penjenamaan <ul style="list-style-type: none"> i. Logo ii. Warna Korporat iii. Lagu/<i>Tagline</i> • Bilangan Program <ul style="list-style-type: none"> i. Satu Pelajar Satu Muzium ii. Bermalam di Muzium iii. Bicara@ Muzium iv. Semarak@ Muzium v. <i>Museum Night Trail</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 Pelan Pengukuhan Penjenamaan Organisasi dikeluarkan dalam tempoh 5 Tahun • 20 program 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Bahagian Khidmat Pengurusan • Unit Kewangan • Muzium Wilayah/ Negeri/ Institusi/Swasta
	Ikon Muzium <ul style="list-style-type: none"> • Artis • Atlet Sukan • Pelajar 	Bilangan Program yang Melibatkan Ikon	15 program	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Kewangan • Muzium Wilayah • Tourism Malaysia

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Peningkatan Rangkaian Kerjasama Strategik	Kerjasama Pintar Merentas Sektor (Smart Partnership) <ul style="list-style-type: none"> i. Penglibatan dan Penyertaan dengan Agensi Kerajaan/Swasta Dalam Menjayakan Program Muzium 	Bilangan Program <ul style="list-style-type: none"> i. Pameran di UA/IPTS ii. MRTM 	<ul style="list-style-type: none"> • 30 program yang melibatkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan swasta • Peningkatan statistik sebanyak 1% setahun 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Bahagian Pameran • Muzium Wilayah • Unit Kewangan
	Kerjasama Pintar Merentas Sektor (Smart Partnership) <ul style="list-style-type: none"> ii. Tajaan Program/Aktiviti Muzium oleh Jenama Terkemuka 	Bilangan Program <ul style="list-style-type: none"> i. Bermalam di Muzium ii. <i>Museum Night Trails</i> iii. Pameran Mega iv. Bicara@ Muzium v. Semarak Muzium 	<ul style="list-style-type: none"> • 20 program yang melibatkan kerjasama jenama terkemuka atau rakan antarabangsa • Peningkatan statistik sebanyak 1% setahun 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Bahagian Pameran • Muzium Wilayah • Unit Kewangan • Tourism Malaysia
	Kerjasama Pintar Merentas Negara (Smart partnership) <ul style="list-style-type: none"> iii. Penglibatan dan Penyertaan dengan Negara Luar Dalam Menjayakan Program Muzium (Pameran/Seminar/Bengkel) 	Bilangan Program	10 program yang melibatkan kerjasama dengan negara luar	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Bahagian Pameran • Muzium Wilayah • Unit Kewangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
	<p>Melaksanakan Smart Partnership dengan Syarikat Swasta untuk Kemudahsampaian ke Muzium-Muzium :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Agensi Pelancongan • Syarikat Pengangkutan (teksi/bas/limosin/syarikat penerbangan/MRT/LRT) 	• Bilangan Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> • 25 program bersama agensi pelancongan dan syarikat pengangkutan • Peningkatan statistik pengunjung sebanyak 2 % setahun 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Bahagian Pameran • Muzium Wilayah • Unit Kewangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 3					
Pengiktirafan Peringkat Nasional/ Antarabangsa	<p>Pengiktirafan di Peringkat Nasional/ Antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Trip Advisor</i> • MyTQA • Anugerah Pelancongan Malaysia • <i>World Travel Award</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan Pen-calonan • Bilangan Pengiktirafan 	<ul style="list-style-type: none"> • 5 Pencalonan • 3 Pengiktirafan 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Komunikasi Korporat • Unit Dasar dan Perancangan Strategik • Muzium Wilayah

TERAS STRATEGIK 5 : MEMARTABATKAN DAN MEMPERKASAKAN KERJASAMA STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Peranan utama JMM di peringkat antarabangsa adalah untuk memartabat dan memperkasakan kerjasama dan hubungan strategik permuziuman di arena antarabangsa. JMM merupakan satu-satunya Jabatan yang memberi khidmat nasihat dan kepakaran dalam bidang permuziuman kepada muzium-muzium di bawahnya, muzium-muzium negeri dan swasta yang bertujuan untuk mewujudkan dan memacu institusi permuziuman di Malaysia setaraf dengan *standard* piawaian antarabangsa. Pada masa yang sama, JMM turut meningkatkan hubungan jalinan kerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa melalui penyertaan di dalam program dan aktiviti antarabangsa seperti senarai berikut;

- ICOM
- ICCROM
- SEAMEO SPAFA
- ANMA
- ASEMUS
- ICOM ASPAC
- ASEAN-COICI
- ACCU
- CAM
- Asian Natural History Museum

Penyertaan JMM dalam pelbagai aktiviti antarabangsa adalah seperti berikut:

- i. Mengambil bahagian secara aktif dalam mempengaruhi keputusan di forum-forum permuziuman antarabangsa melalui jawatan yang dipegang, kertas kerja dan pandangan yang dibentangkan;
- ii. Sentiasa di hadapan dalam mengikuti perkembangan dan trend-trend terbaru antarabangsa bagi memperkasakan institusi permuziuman di Malaysia ke persada dunia; dan
- iii. JMM turut bekerjasama dengan agensi-agensi seangkatan di negara-negara serantau serta antarabangsa untuk meningkatkan persefahaman mengenai bidang permuziuman yang lebih efisien. Hal ini memberi kesan kepada peningkatan modal insan di kalangan pegawai dan staf serta membentuk rangkaian dan kebolehupayaan sumber manusia dalam melahirkan lebih ramai pakar yang berkemahiran tinggi.

Teras kelima ini menjurus kepada peningkatan jalinan kerjasama strategik dan pengukuhan hubungan antarabangsa dalam bidang permuziuman. Teras ini bertujuan untuk memantapkan peranan institusi permuziuman negara yang unggul melalui hubungan kerjasama yang lebih holistik bagi meningkatkan daya saing di dalam dan luar negara selain dapat melahirkan lebih ramai profesional muzium yang berkepakaran tinggi serta diiktiraf oleh pakar-pakar muzium di peringkat global. Jabatan ini juga dapat menggandakan usaha bagi memantapkan penglibatan negara untuk memastikan negara mendapat manfaat daripada penyertaan badan-badan antarabangsa. Dua strategi telah dirangka untuk tujuan tersebut iaitu:

Strategi 1 Membina Jaringan Kerjasama Strategik di dalam dan luar negara bagi memperkasakan institusi permuziuman ke persada dunia (global)

Strategi 2 Penyertaan institusi permuziuman dalam Badan-Badan Antarabangsa bagi memartabatkan seni, budaya dan warisan negara

Outcome Keseluruhan

1. Peningkatan penyertaan dalam Badan-badan Antarabangsa;
2. Peningkatan bilangan kerjasama strategik dan hubungan antarabangsa dengan muzium-muzium dalam dan luar negara; dan
3. Peningkatan jawatan yang dipegang dalam pertubuhan dan majlis antarabangsa.

TERAS STRATEGIK 5

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Membina Jaringan Kerjasama Strategik di dalam dan luar negara bagi memperkasakan institusi permuziuman ke persada dunia (global)	Dalam Negara	Bilangan kerjasama	15	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Dasar dan Perancangan Strategik
	Luar Negara	Bilangan kerjasama	10	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Dasar dan Perancangan Strategik

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Penyertaan institusi permuziuman dalam Badan-Badan Antarabangsa bagi memartabatkan seni, budaya dan warisan negara	Penyertaan Badan-Badan Antarabangsa <ul style="list-style-type: none">• ICOM• ICCROM• SEAMEO SPAFA• ANMA• ASEMUS• ICOM ASPAC• ASEAN-COCI• ACCU• CAM• Asian Natural History Museum	Bilangan Penyertaan: <ul style="list-style-type: none">• Ahli• Tuan Rumah• Persidangan• Seminar• Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none">• 40 orang• 2 kali <ul style="list-style-type: none">• 30 penyertaan• 25 penyertaan• 25 penyertaan	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Dasar dan Perancangan Strategik
	Jaringan kerjasama strategik: <ul style="list-style-type: none">• Pameran• Kertas Kerja• Penyelidikan• Penerbitan• Latihan• Kunjungan Hormat / Lawatan Rasmi	Bilangan: <ul style="list-style-type: none">• Pameran• Kertas Kerja• Penyelidikan• Penerbitan• Latihan• Kunjungan Hormat / Lawatan Rasmi	<ul style="list-style-type: none">• 50 (khas dan luar negara)• 20 kertas kerja• 94 penyelidikan• 5 buku/jurnal• 2 orang• 50 kali	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Dasar dan Perancangan Strategik

TERAS STRATEGIK 6 : PENINGKATAN KOMPETENSI ORGANISASI

Pengurusan Sumber Manusia yang mantap amat diperlukan dalam memastikan sesebuah organisasi itu sentiasa berada di tahap kompetitif dan berdaya saing serta perlu dilihat sebagai satu pendekatan mengurus sumber yang strategik supaya Perkhidmatan Awam sentiasa responsif kepada kehendak pemegang taruh dan rakyat. Perkhidmatan awam yang cekap, berdaya saing dan mantap bergantung kepada kualiti sumber manusianya. Malahan kualiti sumber manusia juga boleh mempengaruhi mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Sehubungan dengan itu, pembangunan teras ini adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memastikan pengurusan sumber manusia yang profesional dan boleh menyokong serta menggerakkan semua program dan aktiviti permuziuman.

Modal insan adalah sumber utama bagi sesebuah organisasi, di samping sumber-sumber lain seperti mesin, peralatan, kewangan dan sebagainya. Modal insan ditakrif sebagai sumber intelek dan kemahiran yang ada dalam diri seseorang individu. Kejayaan organisasi mencapai visi, misi dan matlamat yang ditetapkan bergantung kepada keupayaan modal insan yang dimilikinya. Modal insan yang mempunyai budaya kerja berprestasi tinggi dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi organisasi dalam mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, membentuk budaya kerja berprestasi tinggi dalam organisasi bukan satu perkara mudah dan boleh dicapai dalam masa yang singkat. Usaha sebegini memerlukan warga muzium mempunyai komitmen, bersedia menerima perubahan dan mempunyai kesedaran untuk meningkatkan prestasi.

Teras Strategi Ke-6 memfokuskan kepada pembangunan sumber manusia dan organisasi JMM selaras dengan fungsi dan tanggungjawabnya serta responsif kepada keperluan pelanggan dan pemegang taruh secara berterusan bagi menyokong penyampaian perkhidmatan yang berkesan dalam meneruskan kecemerlangan perkhidmatan. Enam (6) strategi telah dirangka untuk mencapai matlamat tersebut;

- | | |
|-------------------|---|
| Strategi 1 | Pemerkasaan Pembangunan Modal Insan Ke Arah Melahirkan Pegawai Yang Professional Dalam Bidang Permuziuman |
| Strategi 2 | Pemantapan Tadbir Urus Bagi Pengukuhan Organisasi Yang Holistik |
| Strategi 3 | Peningkatan Kecekapan Bagi Pengurusan Kewangan Yang Cemerlang |
| Strategi 4 | Pemantapan Pengurusan Teknologi Maklumat Yang Efektif |
| Strategi 5 | Pemerkasaan Pengurusan Aset Alih Dan Tak Alih Jabatan |
| Strategi 6 | Pemantapan Pengurusan Keselamatan Yang Berwibawa Dan Responsif |

Outcome Keseluruhan

Memperkasakan tadbir urus Jabatan Muzium Malaysia serta meningkatkan kualiti dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

TERAS STRATEGIK 6

PELAN TINDAKAN

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 1					
Pemerkasaan pembangunan modal insan Ke arah melahirkan Pegawai yang profesional dalam bidang permuziuman	i. Pemerkasaan pembangunan modal insan ke arah melahirkan Pegawai yang profesional dalam bidang permuziuman	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan latihan fungsional mengikut modul POL Bilangan peserta <ul style="list-style-type: none"> - P&P - Pelaksana 	<ul style="list-style-type: none"> 75 latihan 250 pegawai 1250 staf kumpulan pelaksana 	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> Unit Pembangunan Modal Insan
	ii. Penempatan kakitangan untuk kursus profesional permuziuman di luar negara	Bilangan pegawai yang menyertai kursus jangka masa pendek (2-4 minggu)	2 orang pegawai	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> Unit Pembangunan Modal Insan
	iii. Perluasan kepakaran dan profesionalisme melalui penglibatan pegawai dalam bidang permuziuman diperingkat antarabangsa	Bilangan program	25 program	2018-2022 (5 tahun)	<ul style="list-style-type: none"> Unit Pembangunan Modal Insan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 2					
Pemantapan tadbir urus bagi pengukuhan organisasi yang holistik	i. Memperkuuhkan Pelan Pembangunan Sumber Manusia Jabatan	Pelan Pembangunan Strategik Sumber Manusia	1 Pelan dalam tempoh 5 tahun	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Sumber Manusia
	ii. Pengukuhan Keupayaan Kapasiti Organisasi melalui Kajian Penstruktur Semula Carta Organisasi Jabatan	Pelan Pengukuhan Carta Organisasi Jabatan & Pelan Penstruktur Carta Organisasi Jabatan		2018-2022 (5 tahun)	• Unit Sumber Manusia
	iii. Pemantapan dan pengukuhan nilai Integriti Pegawai Jabatan	Pelan Integriti Organisasi	1 Pelan Integriti dalam tempoh 5 tahun	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Integriti
	iv. Memastikan pengurusan fail dan rekod yang sistematik mengikut Akta Arkib Negara 2003	Klasifikasi Fail Utama dan Fail Fungsian	1,500 jilid	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Pentadbiran

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 3					
Peningkatan kecekapan bagi pengurusan kewangan yang cemerlang	i. Meningkatkan tadbir urus dan perbelanjaan berhemah dalam pengurusan kewangan jabatan	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus	98% prestasi perbelanjaan mengurus setiap tahun	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Kewangan
	ii. Pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti (IA) Jabatan Audit Negara	Penarafan dalam star rating bagi setiap kali pengauditan Indeks akauntabiliti	Mendapat sekurang-kurangnya penarafan 4 Bintang dalam penarafan pengauditan indeks akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Kewangan
	iii. Pematuhan pengurusan kewangan melalui naziran dalam muzium di bawah JMM	Bilangan naziran	10 kali	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Kewangan

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 4					
Pemantapan Kecekapan Pengurusan Teknologi Maklumat	i. Meningkatkan tadbir urus ICT	Pelan Strategik ICT	1 Pelan Strategik ICT (PSICT) JMM	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Teknologi Maklumat
	ii. Menaiktaraf sistem aplikasi teras jabatan	Bilangan Projek	2 projek	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Teknologi Maklumat
	iii. Pematuhan pengurusan kewangan melalui naziran dalam muzium di bawah JMM	Bilangan sistem	3 sistem	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Teknologi Maklumat
	iv. Meningkatkan kepakaran pegawai dalam bidang ICT melalui latihan dan program di dalam dan luar negara	Bilangan Kursus - Dalam Negara Bilangan Pegawai - Luar Negara	5 kursus 4 pegawai	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Teknologi Maklumat

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 5					
Pemerkasaan Pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Jabatan	i. Pematuhan pengurusan aset alih mengikut tatacara pengurusan aset kerajaan.	Peratusan pernilaian naziran	90%	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Aset
	ii. Pelaksanaan pengurusan stor dengan menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS) sepenuhnya.	Peratusan Penggunaan Sistem	100%	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Aset
	iii. Pelaksanaan pengurusan aset tak alih dengan menggunakan sistem MySPATA	Peratusan Penggunaan Sistem	100%	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Aset
	iv. Pemantapan latihan pegawai dalam pengurusan aset	Bilangan Latihan	15 kali	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Aset

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN (TEMPOH PELAKSANAAN)	TANGGUNG-JAWAB
STRATEGI 6					
Pemantapan Pengurusan Keselamatan yang berwibawa dan responsif	i. Melaksanakan pemeriksaan/ inspektorat keselamatan fizikal dan dokumen secara berkala di JMM dan semua premis di bawah JMM.	Bilangan pemeriksaan/ inspektorat	10 pemeriksaan/ inspektorat	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Keselamatan
	ii. Penyelenggaraan Secara Berkala Dan Penggantian Bagi Sistem Dan Peralatan Keselamatan Seperti: a) Alat Pencegahan Kebakaran b) Sistem CCTV	Bilangan projek	5 projek	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Keselamatan
	iii. Menyediakan dasar dan prosedur ke arah pemantapan aspek keselamatan galeri dan koleksi	Bilangan dasar dan prosedur	Semakan dwi tahunan Dasar dan Prosedur Keselamatan Galeri dan Koleksi	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Keselamatan
	iv. Pemantapan Kompetensi melalui Pendidikan Secara Berterusan terhadap Dasar-Dasar Keselamatan Serta Menggerakkan Pasukan SHERT JMM	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan latihan senario • Bilangan kursus / taklimat dasar-dasar keselamatan 	<ul style="list-style-type: none"> • 4 latihan senario • 8 kursus/ taklimat 	2018-2022 (5 tahun)	• Unit Keselamatan



Patung Avalokitesvara
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN



BAB 5

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN

MEKANISME PELAKSANAAN

Mekanisme pelaksanaan yang menggariskan bentuk implementasi, kaedah pemantauan dan pelaporan serta penilaian ke atas setiap strategi dan program menjadi faktor penting untuk memastikan keberhasilan PSJMM. Empat (4) mekanisme pelaksanaan telah dikenalpasti iaitu;

a) Perancangan Program dan Aktiviti Jabatan

Berdasarkan kepada strategi yang telah dinyatakan, setiap Muzium, Bahagian dan Unit di Jabatan Muzium Malaysia hendaklah menjadikan PSJMM sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan semua program dan aktiviti yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing mengikut indikator, tempoh dan sasaran seperti yang ditentukan. Perancangan dan penetapan Perancangan Kerja Tahunan, Sasaran Kerja Tahunan, *Key Performance Indicator* (KPI), penyediaan Anggaran Belanja Mengurus, Bajet Asas Sifar (*Zero Based Budgeting*) serta perancangan Belanja Pembangunan JMM hendaklah berpandukan PSJMM. Perancangan perlu diperakukan di dalam mesyuarat kedua-dua Sektor Permuziuman dan Sektor Dasar sebelum diangkat untuk kelulusan Ketua Pengarah JMM.

b) Pemantauan dan Pelaporan

Setiap Pengarah/Ketua Muzium/Bahagian/Unit akan bertindak untuk memantau prestasi pelaksanaan PSJMM mengikut apa-apa mekanisme ditetapkan sama ada menerusi mesyuarat, perbincangan, sumbang saran, lawatan tapak atau pelaporan oleh pemilik program/aktiviti. Laporan prestasi seterusnya perlu disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pemantauan PSJMM pada setiap penghujung tahun (sekali setahun) atau selepas berakhirnya sesuatu program/aktiviti.

c) Penilaian

Berdasarkan laporan yang diterima, TKP (Permuziuman) dan TKP (Dasar) perlu membuat penilaian impak dari aspek *output* dan *outcome* sekiranya program/aktiviti yang dilaksanakan mencapai keberhasilan dan menepati PSJMM. Penilaian hendaklah dibentangkan ke dalam Mesyuarat Pengurusan JMM untuk makluman dan pandangan semua pegawai. Penilaian akan menentukan kesinambungan program/aktiviti atau perancangan program/aktiviti baharu.

d) Kajian Semula

Untuk menilai impak, kebolehlaksanaan dan kejayaan PSJMM, kajian semula perlu dilaksanakan setiap dua (2) tahun berdasarkan penilaian *output* dan *outcome* yang dilaksanakan secara tahunan. Kajian semula akan menentukan sekiranya terdapat penambahan, pengguguran atau pengukuhan perlu dilakukan ke atas PSJMM. Semakan juga perlu dibuat apabila berlaku perubahan polisi baru sama ada di peringkat Kementerian atau Jabatan.

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Untuk memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan PSJMM mengikut tempoh yang ditetapkan, JMM telah mengenal pasti beberapa faktor kejayaan yang kritikal seperti berikut:

1) Pengukuhan Dasar dan Garis Panduan

Selaku peneraju pengurusan permuziuman di negara ini, JMM bertanggungjawab menetapkan apa-apa dasar dan garis panduan sebagai rujukan dan penanda aras kepada muzium-muzium Persekutuan, Negeri, Institusi dan Persendirian/Swasta dalam melaksanakan aktiviti permuziuman yang mematuhi standard, khususnya dalam pematuhan kepada *International Council of Museums (ICOM) Code of Ethics*.

2) Komitmen Semua Pegawai dan Kakitangan JMM Serta Sokongan Pihak Pengurusan Tertinggi

Kejayaan melaksanakan PSJMM ini turut bergantung kepada komitmen dan semangat kebersamaan semua pegawai dan kakitangan JMM di semua peringkat, Muzium, Bahagian dan Unit. Setiap pegawai dan kakitangan perlu diberikan pendedahan dan kefahaman tentang PSJMM dan menerapkan setiap Teras Strategik, Strategi dan Pelan Tindakan di dalam perancangan program/aktiviti atau proses kerja masing-masing. PSJMM harus dijadikan sebagai dokumen rujukan tunggal kepada semua pegawai dan kakitangan.

Untuk melengkapkan komitmen berkenaan, pihak pengurusan tertinggi harus sentiasa menyokong melalui penyediaan polisi dan situasi yang kondusif, memastikan arahan yang teratur dan jelas, mengamalkan pendekatan inklusif serta bersikap responsif khususnya dalam pembuatan keputusan.

3) Pelaksanaan Tadbir Urus Yang Cekap

Kejayaan pelaksanaan PSJMM juga amat bergantung kepada budaya kerja yang berorientasikan kecemerlangan dengan menekankan semangat kerja berpasukan dan kebersamaan, memartabatkan integriti melalui pematuhan kepada apa-apa polisi, arahan, peraturan, prosedur kerja, kod etika yang ditetapkan, menekankan komitmen dan dedikasi, penerapan konsep *lets manager manage*, pengamalan komunikasi berkesan serta keseimbangan di antara konsep *top down* dan *bottom up* di setiap peringkat.

4) Pembangunan Kapasiti Organisasi / Modal Insan

Untuk memastikan keberhasilan setiap program/aktiviti dirancang, faktor sumber manusia yang berkepakaran (mempunyai *skills* dan *knowledge*) amat kritikal. JMM perlu menyediakan pelan laluan kerjaya yang spesifik, program peningkatan kemahiran dan kepakaran dalam bidang permuziuman, pembangunan program latihan fungsional melalui Pelan Operasi Latihan (POL) dan *Training Need Analysis* (TNA) yang terancang, perluasan aktiviti mentoring serta bimbingan secara intensif dan berobjektif, membuka lebih banyak pendedahan latihan jangka sederhana dan jangka panjang kepada semua pegawai dan kakitangan untuk melahirkan lebih ramai *Subject Matter Expert* (SME) yang berkeupayaan mendepani cabaran masa kini dan akan datang serta pengukuhan fungsi *Search Committee* Jabatan. Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JMM perlu dibangunkan sebagai kerangka dan panduan dalam pengurusan sumber manusia JMM untuk membangunkan kompetensi modal insan dan menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi.

Namun, sumber manusia yang berkemahiran juga perlu dilengkappan dengan sikap (*attitude*) yang terpuji, bukan hanya komited malah menerapkan segala Nilai, Norma dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam. Keseimbangan di antara kemahiran, pengetahuan dan sikap akan melahirkan bukan sahaja tenaga pakar malah membina keupayaan kepimpinan yang dinamik dan responsive untuk menerajui Jabatan.

5) Meluaskan Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Untuk Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Penguasaan dan penggunaan ICT yang efektif bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan melalui penyuburan budaya inovasi, malah dapat menghubungkan JMM secara lebih pantas dengan pemegang taruh dan pelanggan. Untuk itu, Jabatan perlu memastikan setiap proses kerja, perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti akan berteraskan ICT dan semua kakitangan mempunyai penguasaan ICT yang baik melalui pembudayaan ICT yang menyeluruh.

JMM telah membangunkan Pelan Strategik ICT JMM 2018-2022 sebagai dokumen yang menggariskan hala tuju teknologi maklumat yang dirancang bagi menyokong keperluan JMM untuk tempoh lima (5) tahun akan datang dalam pengurusan aktiviti permuziuman. Di bawah pelan ini, pembangunan dan pengukuhan beberapa sistem aplikasi seperti MUSECORE, Sistem Galeri Foto, MUSEOS dan sebagainya akan diutamakan, yang akan disokong oleh perolehan perkakasan dan perisian ICT, program penyelenggaraan yang terancang serta latihan berterusan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan JMM.

6) Pengurusan Kewangan Yang Cekap dan Berhemah

Setiap program/aktiviti di bawah PSJMM memerlukan penyediaan peruntukan kewangan yang mencukupi sama ada dari sumber Belanja Mengurus, Akaun Amanah atau Belanja Pembangunan untuk menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaannya. Untuk itu, pengurusan kewangan yang cekap, sistematik dan berhemah perlu dibudayakan melalui pelbagai mekanisme seperti mesyuarat berkala, pemantauan projek, pematuhan kepada peraturan dan tatacara kewangan ditetapkan di samping pendedahan lebih meluas tentang pengurusan kewangan kepada semua pegawai dan kakitangan JMM.

7) Kolaborasi dan Kerjasama Strategik Di Dalam dan Luar Negara

Bagi membolehkan program/aktiviti yang dirancang di dalam PSJMM berjaya, kolaborasi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negara amat diperlukan dan dirancang sebaik mungkin. Di samping mengukuhkan jaringan kerjasama, kolaborasi seperti ini akan dapat membantu dari segi pertukaran pengetahuan dan kemahiran, penjimatan kos dan peningkatan imej Jabatan secara khususnya dan negara amnya.

8) Pemantauan dan Kajian Semula

Pelaksanaan PSJMM tidak akan berjaya tanpa adanya mekanisme untuk memantau, menilai, mengkaji semula dan mengukur prestasi keseluruhan. Mekanisme pelaksanaan ini perlu digerakkan secara terancang, menyeluruh dan konsisten agar setiap program/aktiviti menepati objektif, strategi dan pelan tindakan digariskan di bawah PSJMM.

9) Persekutaran Yang Kondusif

Mewujudkan persekitaran yang kondusif secara fizikal dan non-fizikal iaitu penyediaan ruang kerja yang selesa, peralatan dan kemudahan yang mencukupi, galakan dan komitmen yang konsisten daripada pihak pengurusan tertinggi serta pengiktirafan dan penyediaan insentif.



Celepa Diraja Terengganu
ARTIFAK WARISAN KEBANGSAAN



BAB 6

MELANGKAH KE HADAPAN

MENDEPANI CABARAN GLOBALISASI KE ARAH MENJANA TRANSFORMASI PERMUZIUMAN NEGARA

Kepesatan pembangunan fizikal, ekonomi serta teknologi telah merubah corak pemikiran dan wajah budaya masyarakat Malaysia. Untuk sesbuah masyarakat hidup aman dan harmoni, perpaduan antara kaum dan setiap komponen masyarakat adalah wajib. Muzium bukan sahaja mampu berperanan sebagai agen perubahan sosial malah turut berfungsi menggalakkan perpaduan masyarakat dengan menggunakan kekuatan artifak budaya dalam memastikan pemahaman dan penghargaan untuk pelbagai kumpulan etnik yang wujud dalam masyarakat negara ini. Dari perspektif yang lebih luas, muzium boleh menggalakkan diplomasi budaya yang akan melahirkan persefahaman yang lebih baik antara rakyat dan negara.

Ledakan era digital dan revolusi industri 4.0 merupakan cabaran terkini kepada institusi permuziuman negara. Muzium harus lebih terkehadapan dalam menggunakan aplikasi digital dan teknologi terkini dalam usaha menambah nilai perkhidmatan, peragaan artifak negara. Oleh yang demikian JMM telah membangunkan Pelan Strategik ICT JMM 2018-2022 seiring dengan Pelan Strategik JMM 2018-2022 bagi memastikan Jabatan bagi memastikan Jabatan ini tidak ketinggalan dalam arus ledakan teknologi maklumat dunia.

Institusi permuziuman merupakan antara penyumbang kepada industri pelancongan negara melalui pelancongan warisan (*heritage tourism*). Sebagai destinasi pilihan untuk pelancong, Muzium harus lebih kreatif mempelbagaikan produk dan strategi pemasaran khususnya dalam membentuk *monetizing culture*, penjanaan, kolaborasi strategik atau memanfaatkan Subseksyen 34 (6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke arah menyumbang kepada pendapatan negara. Gabungan kepakaran dan tadbir urus muzium yang baik serta sokongan bantuan kewangan yang mencukupi dari kerajaan dan swasta pastinya akan membantu ke arah tranformasi institusi permuziuman negara pada masa akan datang.

GLOSARI

ANMA	Asean National Museum Association
ASEMUS	Asia-Europe Museum Network
ACCU	The International Cultural Centre for Unesco
ASEAN-COICI	Committee On Culture and Information
BBC	British Broadcasting Corporation
CCTV	Closed Circuit Television
CNN	Cable News Network
CAM	Commonwealth Association of Museum
FB	Facebook
IA	Indeks Akauntabiliti
ICOM	The International Council of Museums
ICCROM	International Centre for Conservation in Room
ICOM ASPAC	International Council of Museums Asia- Pasific Alliance
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JMM	Jabatan Muzium Malaysia
KPSB	Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya
LRT	Light Rail Transit
NGO	Badan Bukan Kerajaan
MRTM	Majlis Rumah Terbuka Malaysia
MUSECORE	Museum Unified System for Conservation, Registration and Research
OBB	Outcome Based Budgeting
PSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
PSJMM	Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia
PSTM	Pelan Strategik Teknologi Maklumat
POL	Pelan Operasi Latihan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SEAMEO SPAFA	Southeast Asian Regional Centre for Archaeology and Fine Arts
SPS	Sistem Pengurusan Stor
TM	Teknologi Maklumat
TV	Televisyen
UDPS	Unit Dasar dan Perancangan Strategik
VTLS	Virtual Tour Library System

JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK

Ketua Penyelaras:

Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi.

Strategik 1: Memartabatkan dan Melestari Koleksi Artifak Negara

Encik Zainal bin Ariffin

Cik Kiew Yeng Meng

Encik Muhamad Faiz bin Azizan

Strategik 2: Pemerkasaan Bidang Penyelidikan, Penerbitan dan Pendokumentasian

Encik Samsol bin Sahar

Puan Hadijah binti Mohd Yunus

Puan Nor Hasni binti Che Hassan

Strategik 3: Penyebaran Dan Penyemarakkan Ilmu Pengetahuan Warisan Sejarah, Budaya dan Alam Semula Jadi

Encik Azmi bin Ismail

Cik Darniza binti Daut@Mohmud

Puan Zarinah binti Sarifan

Strategik 4: Pemantapan Pemasaran dan Pengukuhan Muzium

Encik Esa bin Haron

Puan Roslelawati binti Abdullah@Awang

Encik Mohd Jamil bin Haron

Strategik 5: Memartabatkan dan Memperkasakan Kerjasama Strategik dan Hubungan Antarabangsa

Cik Sitti Rabia binti Abd. Rahman

Puan Juhazniza binti Musa

Encik Mokhtar bin Tamby Ahmad

Strategik 6: Peningkatan Kompetensi Organisasi

Encik Zamrul Amri bin Zakaria

Puan Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman

Encik Ahmad Sabri bin Mohamed Hashim

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Bahagian/Unit/Muzium/JMM Negeri dan para Pegawai Jabatan Muzium Malaysia terutamanya

Unit Dasar dan Perancangan Strategik selaku penyelaras bagi penyediaan Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia (PSJMM) 2018-2022. Juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Penerbitan Buku PSJMM ini.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



JABATAN MUZIUM MALAYSIA